

BERITA HARIAN

DATE: 27/12/2009

Buku dakwa Dr M bazir RM100b masih dikaji

Tindakan KDN proses biasa bagi karya luar negara

KUALA LUMPUR: Kementerian Dalam Negeri (KDN) masih mengkaji kandungan buku tulisan Barry Wain bertajuk *Malaysian Maverick: Mahathir Mohamad in Turbulent Times*, sebelum membuat keputusan mengenai pengedaran buku itu di Malaysia.

KDN dalam kenyataannya semalam, berkata kajian itu adalah satu proses biasa kepada mana-mana penerbitan di dalam dan luar negara dan buku tulisan Barry Wain tidak terkecuali daripada menjalani proses berkenaan.

"Kajian itu bagi memastikan ia tidak menimbulkan sebarang kemudaratan kepada keselamatan dan ketenteraman rakyat Malaysia," kata kenyataan itu.

KDN mempunyai masa selama 60 hari bagi menentukan sama ada untuk meluluskan atau sebaliknya pengedaran buku itu di Malaysia.

Isnin lalu, Kastam Diraja Ma-

laysia (KDRM) menolak laporan sebuah portal berita propembangkang kononnya KDRM menahan 800 naskah buku itu di Pelabuhan Klang sejak empat minggu lalu.

Dalam bukunya, Wain bekas Pengarang Urusan *Asian Wall Street Journal* mendakwa kononnya Dr Mahathir membazirkan sehingga RM100 bilion ketika

menjadi Perdana Menteri.

Bagaimanapun, Dr Mahathir dalam blognya www.chedet.com mengakui pernah berlaku beberapa kerugian dalam tempoh pentadbirannya, tetapi jumlahnya tidak mencecah RM10 bilion.

Dr Mahathir turut mempersoalkan mengapa Barry Wain yang kini berpangkalan di Singapura begitu berani dan bersungguh-sungguh mahu menulis serta mendedahkan isu membabitkan pemimpin Malaysia.

"Dia tahu jika dia menulis apa-apa menentang pemimpin Singapura dia akan diheret ke mahkamah, disaman dan dipaksa membayar ganti rugi dalam jumlah yang banyak.

"Rakan sekerjanya ramai yang didapati salah kerana memfitnah apabila mereka menulis sesuatu yang tidak dipersetujui pemimpin Singapura," kata Dr Mahathir dalam blognya. - Bernama

“Kajian itu bagi memastikan ia tidak menimbulkan sebarang kemudaratan kepada keselamatan dan ketenteraman rakyat Malaysia”

**Kenyataan
Kementerian Dalam
Negeri**